



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

8,000 KAD PUTRAPAY DIEDARKAN SECARA PERCUMA KEPADA WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 24 April 2018 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini mengedarkan 8,000 kad PutraPay percuma kepada pelajar sekolah, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Inisiatif ini dibuat sebagai salah satu usaha mengurangkan kos sara hidup warga Wilayah Persekutuan khususnya di Putrajaya. Pemilik kad ini boleh menggunakan kad tersebut untuk mana – mana laluan disediakan tanpa had selama setahun.

Kad PutraPay ini diperkenalkan pada 15 Januari 2018 yang lalu bagi membolehkan urusan pembayaran tambang bas Nadiputra dibuat tanpa tunai. Inisiatif ini dibuat bagi memudahkan para pengguna membuat transaksi dengan lebih cepat dan selamat. Sehingga hari ini sebanyak 24,661 unit KadPutra telah digunakan oleh orang ramai sejak 2016.

Perkhidmatan bas Nadiputra ini menyediakan laluan bas merangkumi kawasan Putrajaya, Cyberjaya, Serdang, Saujana Putra, Dengkil dan Kuala Lumpur. Melalui penggunaan pengangkutan awam di Putrajaya ini dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas terutama pada waktu puncak di Putrajaya.

Kementerian Wilayah Persekutuan berharap inisiatif yang dibuat oleh Pengangkutan Awam Putrajaya Travel & Tours (PAPTT) yang merupakan anak syarikat GETS Global Berhad, akan sentiasa menambah baik perkhidmatan bas Nadiputra kepada komuniti Putrajaya serta dapat memudahkan para pelancong untuk melancong di dalam kawasan Putrajaya.

YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor juga turut menyaksikan Majlis Menandatangani Pindahan Saham Syarikat PAPTT di antara Konsortium Bas Ekspres Semenanjung (M) Sdn Bhd (KBESM) dan Putrajaya Leisure & Services Group Sdn Bhd (PULSE Group). Dengan termeterainya pindahan saham tersebut, pihak KBESM secara rasminya memegang 79.99% ekuiti dalam syarikat PAPTT. Manakala 20% ekuiti lagi dipegang oleh pihak Perbadanan Putrajaya.

**Disediakan Oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
20 April 2018**